

20/12/1997

Pembekuan pengambilan pekerja asing wajar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Langkah kerajaan membekukan pengambilan pekerja asing mahir dan separuh mahir oleh majikan dan agensi, dianggap wajar dalam usaha membantu memulihkan ekonomi negara.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, berkata pihaknya mengalu-alukan keputusan itu kerana kemasukan pekerja asing boleh mengurangkan kadar kejatuhan nilai ringgit.

"Hanya dua sektor di negara ini yang mengalami masalah kekurangan tenaga pekerja iaitu perladangan dan pembinaan."

"Kemasukan pekerja asing ke negara kita melebihi peluang pekerjaan yang ada menimbulkan pelbagai gejala sosial," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengarahkan industri tidak berorientasikan eksport mengurangkan pergantungan kepada buruh asing.

Perdana Menteri mahu operasi pengeluaran dalam sektor industri diubah suai untuk menjimatkan penggunaan tenaga buruh.

Zainal berkata, keghairahan agensi pekerjaan membawa masuk pekerja asing yang dikatakan mahir sebenarnya satu penipuan.

Katanya, kerajaan juga perlu meneliti projek membabitkan kontraktor dan pelabur asing yang dikatakan membawa pakar luar, yang dikesan tidak mempunyai pengalaman seperti didakwa kontraktor terbabit.

"Pakar tempatan mampu mengambil tugas pakar luar negara dan tidak ada sebab kita menggunakan perkhidmatan mereka," katanya ketika dihubungi hari ini.

(END)